

PENGENALAN

Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) berlandaskan kepada ternakan yang sihat dan diurus dengan amalan yang baik bagi penghasilan ternakan yang baik kualitinya dan selamat untuk dijadikan makanan. Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan dalam SALT adalah berasaskan kepada 'Good Animal Husbandry Practice' (GAHP), Pengurusan Kesihatan Ternakan (Animal Health Management), Biosekuriti, Infrastruktur yang baik dan kawalan penggunaan ubat-ubatan Veterinar. SALT dilaksanakan sebagai usaha untuk mewujudkan standard amalan sanitari ladang ternakan yang tinggi dan mampu meningkatkan keselamatan makanan yang dihasilkan dari ternakan.

Perlaksanaan SALT meliputi semua jenis ternakan termasuk lembu pedaging, lembu tenusu, ayam pedaging, ayam penelur, ayam baka rusa, kambing, bebiri, babi dan lain-lain ternakan.

Urusetia SALT ditempatkan di Ibu Pejabat di Putrajaya sementara pasukan pemeriksaan serta penyelaras negeri SALT terletak di Peringkat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri.

KONSEP PERLAKSANAAN SALT

Perlaksanaan skim persijilan SALT ini dibuat dalam (2) dua fasa. Pelaksanaan secara dua fasa ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan pengusaha ternakan yang baru ke dalam skim ini serta memberi peluang dan masa kepada pengusaha ladang ternakan tersebut untuk mempertingkatkan sistem penternakan dan pengurusan dari masa ke semasa sehingga mencapai Fasa 2.

KRITERIA

Fasa 1:

- Amalan Penternakan yang baik
- Pengurusan Kesihatan Ternakan
- Biosekuriti
- Infrastruktur
- Penggunaan ubat-ubatan Veterinar

Fasa 2:

- Perlabelan dan sistem 'trace back'
- Sistem Kualiti
- HACCP

PROSEDUR PERMOHONAN, PERLAKSANAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Ladang ternakan yang berminat menyertai skim akreditasi SALT perlu terlebih dahulu memenuhi syarat dan kriteria pengiktirafan amalan GAHP berdasarkan :

- Garis panduan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) bagi setiap kategori ladang ternakan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan,

- Memenuhi borang permohonan serta memajukan profil ladang kepada urusetia SALT.
- Pemeriksaan awal (compliance audit) akan dijalankan oleh pegawai pemeriksaan.
- Audit ulangan (follow-up audit) akan dijalankan jika ada kekurangan.
- Hasil pemeriksaan audit dan laporan penilaian disediakan oleh pegawai pemeriksaan JPH Negeri/Daerah.
- Urusetia SALT akan membentangkan laporan penilaian kepada Jawatankuasa tentang penganugerahan logo SALT
- Penganugerahan logo SALT akan diberi kepada ladang yang memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- Ladang ternakan yang telah mendapat pengiktirafan persijilan boleh menggunakan logi SALT.
- Pemeriksaan 'surveillance' dan 'review' audit akan dijalankan oleh pegawai veterinar JPH Negeri bersama-sama pegawai Ibu Pejabat.
- Ladang Ternakan yang didapati melanggar atau telah tidak akur kepada mana-mana syarat dan kriteria GAHP serta piawaian SALT akan dibatalkan status persijilannya.

LOGO SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)

Logo SALT dianugerahkan kepada ladang-ladang ternakan yang telah diperakui memenuhi syarat-syarat dan kriteria akreditasi yang ditetapkan. Ia tertakluk kepada memenuhi kriteria GAHP, Pengurusan Kesihatan Ternakan, Infrastruktur & Biosekuriti dan Penggunaan ubatan yang terkawal.

Ini bermakna ladang ternakan yang telah memperolehi logo SALT telah diperakui mengamalkan sistem perladangan ternakan yang baik dalam aspek pengurusan, kesihatan dan kawalan pencemaran serta bebas daripada penyakit-penyakit merbahaya. Ladang tersebut layak mengeksport ternakan ke luar negara.

Bagi membantu pengusaha dan penternak menyertai skim persijilan ini dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan, JPH menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

1. Kod amalan penternak baik dan garis panduan GAHP yang relevan mengikut ladang ternakan.
2. Khidmat nasihat sistem pengurusan penternakan yang baik bermula daripada peringkat awal penubuhan ladang ternakan.

3. Rundingcara seterusnya untuk penambahbaikan dan peningkatan taraf amalan penternakan yang baik bagi mencapai piawaian dan syarat pengiktirafan akreditasi SALT.
4. Rundingcara dan khidmat nasihat penyediaan manual program kepastian kualiti (QAP)
5. Khidmat pemantauan dan kawalselia JPH secara berterusan melalui 'surveillance audit' dari semasa ke semasa dan 'review audit' setiap satu tahun sekali.

SYARAT PEMBATALAN LOGO SALT:

1. Ladang ternakan didapati telah tidak mengamalkan kriteria SALT serta melanggar dan tidak akur kepada mana-mana syarat dan piawaian pengiktirafan persijilan.
2. Didapati telah berubah lokasi/ladang yang lain selain dari didaftarkan semasa permohonan dan kelulusan penganugerahan.
3. Operasi pengurusan ladang atau sistem pemeliharaan dan penternakan (jenis atau perlaksanaannya) telah berubah berbanding dengan yang diluluskan semasa permohonan.
4. Pihak pengurusan tuan punya ladang ternakan itu sendiri menarik diri daripada skim akreditasi SALT secara Sukarela.
5. Pihak ladang yang telah dianugerahkan tetapi tidak menggunakannya secara berterusan selama 2 tahun berturut-turut.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut sila hubungi, Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Putrajaya.

Tel : 03-88702022
Fax: 03-88885755

SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)



Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Kerajaan
62630 Putrajaya.
Tel : 03-88702000
www.dvs.gov.my